



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BIL. 1/1983**

Semakan Cukai Tanah Kali Kedua Di Bawah Seksyen 101 Kanun Tanah Negara

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pentadbiran Tanah Negeri mengenai tindakan-tindakan dalam semakan cukai tanah kali kedua di bawah seksyen 101 Kanun Tanah Negara.

2. Mengikut kehendak di bawah seksyen 101(5) Kanun Tanah Negara, Majlis Tanah Negara telah meluluskan supaya perubahan cukai tanah dalam semakan cukai kali kedua ini dikuatkuasakan pada 1hb Januari 1984. Semakan yang pertama telah dijalankan pada tahun 1970.


3. Usaha semakan cukai tanah kali kedua ini telah dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat yang berikut:

- 3.1. Persidangan Pengarah-pengarah Tanah dan Galian kali ke-60 pada 11hb Mei, 1983 melalui kertas Bil. 1B/83;
- 3.2. Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Cukai Tanah pada 30hb Mei, 1983;
- 3.3. Mesyuarat Khas Pengarah-pengarah Tanah dan Galian mengenai Semakan Cukai Tanah pada 10hb Jun, 1983;
- 3.4. Mesyuarat Khas Pengarah-pengarah Tanah dan Galian mengenai pelaksanaan aktiviti Semakan Cukai Tanah pada 29hb September, 1983.

4. Selaras dengan keputusan-keputusan yang telah dicapai melalui mesyuarat-mesyuarat di atas maka Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- 4.1. Mewartakan kadar cukai baru yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri sebelum 31 hb Disember, 1983;
- 4.2. Bagi hanya mana-mana negeri yang berkenaan, mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri mengenai jumlah cukai yang harus diberi 'remission' atau untuk hapuskira perbezaan antara cukai baru dengan cukai sebelumnya. ini hendaklah dibuat sebelum 31hb Mci, 1984 atau mana-mana tarikh sebelum cukai tanah menjadi tunggakan;
- 4.3. Melaksanakan tatacara kerja penyemakan daftar hakmilik/daftar cukai, sebagaimana yang telah dipersetujui dalam mesyuarat-mesyuarat yang disebutkan di para 3 di atas. Tatacara ini hendaklah bertujuan mencapai matlamat-matlamat seperti berikut:

- 4.3.1. menyemak semua hakmilik tanah;
 - 4.3.2. memudahkan kerja penyemakan cukai dan pengawasan kerja;
 - 4.3.3. menentukan supaya tidak berlaku kesilapan dalam membuat perkiraan dan pindaan cukai bagi tiap-tiap hakmilik;
 - 4.4. Melaksanakan pemakaian sistem metrik dalam penggunaan seksyen 96 Kanun Tanah Negara;
 - 4.5. Mengenai negeri-negeri yang ketinggalan dalam pelaksanaan tugas-tugas semakan mengikut jadual kerja penyemakan seperti yang dipersetujui dalam Mesyuarat Khas yang dipersetujui dalam Mesyuarat Khas Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri pada 10hb Jun 1983, maka tindakan segera hendaklah dijalankan supaya perubahan cukai dapat dilancarkan pada tarikh yang telah diputuskan itu.
5. Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan untuk menentukan bahawa semakan cukai tanah mestilah melibatkan setiap hakmilik tanah, supaya Kerajaan Negeri mendapat hasil mengikut jumlah sebagaimana yang sepatutnya, dan untuk mewujudkan keadilan yang jelas pada mata rakyat.
6. Pengarah-pengarah Tanah dan Galian adalah dinasihatkan untuk mengambil tindakan-tindakan perlu sebagaimana di para 4 di atas.



DATUK NASRUDDIN BIN BAHARI,
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

Fail: KKTKW/KPTG(S)571 Jid. II

Kuala Lumpur,
15hb Oktober, 1983